

gi fahamannya tentang Islam.
Rakan seperguruannya dalam aliran Silat Setia Hati Terateh, Kratschmar Boris, yang telah memeluk agama Islam beberapa tahun lalu, pula berkata: "Silat semakin popular di Perancis. Masyarakat di sana menghormati orang-orang yang belajar silat kerana pesilat bersikap tenang tetapi tangkas.

"Orang Melayu harus bangga kerana mempunyai seni bela diri yang unik. Seperti dengan adat resam dan budi pekerti orang Melayu yang lembut, silat juga harus dipelihara dan diamalkan."

Kratschmar, atau nama Islamnya Arif Abdullah, pernah menetap di Terengganu, selama empat tahun, mengikuti ibunya yang kini telah berkahwin dengan rakyat Malaysia.

Bagaimanapun, beliau lebih senang tinggal di Perancis kerana mahu mengembangkan seni silat di seluruh negara tersebut. Sebelum ini, menurut Kratschmar yang fasih berbahasa Melayu, seminar silat juga sering diadakan di kota Paris.

Seni silat juga semakin pesat berkembang di kota-kota Belanda.

Sebanyak 25 buah sekolah silat yang berdaftar dengan Kesatuan Silat Belanda atau dalam bahasa Belanda *Bond Pencak Silat Indonesia de Nederland* membimbing kanak-kanak dan orang dewasa di sana.

Salah seorang jurulatih silat daripada negara tersebut, George Fredriksz, merupakan ahli karate bertali-pinggang biru sebelum beliau beralih kepada pencak silat dalam awal 70-an.

Berguru dengan De Thomis Subandi dalam aliran Bongkot, George, 35 tahun, kemudian membuka kelas silat bersama rakannya, Alex Copini, 36 tahun, pada 1977.

"Dalam silat, kita bebas menggunakan pergerakan sendiri. Menerusi bunga-bunga tangan langkah kaki, ilham untuk menyerang lawan mudah didapati," kata Alex.

George pula menambah: "Yang paling menarik, kita diajar sesuatu yang baru setiap hari — tidak ada batasnya. Kalau seni bela diri yang lain, setelah mencapai tahap yang tertinggi, ia terus berhenti di situ."

Lima pesilat yang diturunkan oleh pasukan Belanda ini, merupakan bekas johan dan naib johan kejuaraan karate di sana. Mereka telah memperolehi tiga emas dan dua perak.



PUAS HATI: Pesilat Singapura, Khalid Awad puas hati dengan kemenangannya.

Kepopularan silat di Belanda tidaklah menghairankan kerana ia pernah berhubungan dengan Indonesia yang satu ketika dulu menjadi jajahannya.

Sejak Kejuaraan Silat Sedunia di Vienna tahun lalu, perkembangan dan sambutan masyarakat Jerman Barat terhadap silat begitu hangat dirasakan oleh seorang guru yang mempunyai 120 pesilat di sana, Octav D. Setiadji.

"Sebelum ini, orang Jerman tidak kenal apa itu silat. Pada 1980, bila saya mengajar silat dalam kelas kung-fu yang ketika itu kehilangan gurunya, mereka yang mengikuti mulanya tidak sedar apa yang saya ajarkan. Saya pun hanya mendiamkan diri. **12 DEC 1987**

"Setelah beberapa lama mereka menguasainya, baru mereka sedar akan kelainan seni bela diri yang saya ajarkan. Bila saya berterus-terang, mereka semua terperanjat tetapi dapat menerima kerana mereka telah jatuh cinta dengan silat," kata Octav, yang juga pernah meng-

arahkan filem-filem pertarungan Indonesia.

Menurut Octav lagi, kini Jerman Barat mempunyai seramai 300 pesilat yang berdaftar dan seorang guru lagi yang turut mengembangkan silat di sana ialah Arip Sriana daripada Indonesia. Mereka berharap, satu pertubuhan silat dapat diwujudkan di Jerman Barat tidak lama lagi.

Pesilat daripada Amerika Syarikat yang mendapat pingat perak dalam kejuaraan tersebut, Barbara J. C. Barnes, 31 tahun pula berkata: "Silat baru bertapak di Amerika sejak guru-guru daripada Indonesia datang mengadakan demonstrasi silat di sana lebih dua tahun lalu. Masyarakat Amerika suka pada sesuatu yang unik. Sebab itu silat dapat diterima."

Barbara yang berdarah kacukan Filipina dan Hawaii, menetap di Los Angeles dan mempelajari Silat Mande Muda.